1. NAMA

1.1 Badan ini dinamakan **Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal Taman Mewah.**

2. PEJABAT DAN ALAMAT SURAT MENYURAT

2.1 Pejabat dan alamat surat-menyurat Badan Khairat Kematian iniadalah seperti berikut:

Masjid Jamek Al-Istiqlal
Lorong 12, Jalan Mewah
34600 Kamunting
Perak Darul Ridzuan.

3. TUJUAN PENUBUHAN

3.1. Untuk menyempurnakan keperluan tuntutan Fardhu Kifayah setempat meliputi semua anak kariah.

3.2. Mementingkan hidup bermasyarakat dengan mengutamakan ahli kariah yang berdaftar serta merupakan jemaah Masjid Jamek Al-Istiqlal dan surau-surau yg berhampiran.

3.3. Menanggung kos urusan pengkebumian, mempercepatkan urusan dan memberi bantuan kewangan secara tunai kepada Ahli Khairat dan meringankan bebanan keluarga Ahli.

3.4. Menjaga kebajikan Ahli Khairat yang berdaftar apabila berlaku kematian.

3.5. Mewujudkan pengurusan yang profesional agar kebajikan Ahli Khairat dapat dititikberatkan apabila berlaku kematian kepada Ahli atau kepada tanggungan Ahli.

4. JAWATANKUASA PENGURUSAN

4.1. Pengerusi dan Jawatankuasa Badan Khairat Kematian ini adalah mana-mana Ahli Kariah Masjid Jamek Al-Istiqlal, Taman Mewah, yang telah dilantik dalam Mesyuarat Agung Tahunan.

4.2. Pengurusan Badan Khairat Kematian adalah dipertanggungjawabkan sepenuhnya di bawah Masjid Jamek Al-Istiqlal, Taman Mewah, Kamunting, Perak.

5. SYARAT KEAHLIAN

5.1. Terbuka kepada penduduk Islam yang bermastautin dalam kariah **Masjid Jamek Al-Istiqlal** dan surau-surau berhampiran Taman Mewah, lelaki atau perempuan berusia tidak kurang dari **dua puluh dua (22) tahun** hingga **lima puluh sembilan (59**) tahun DAN berumur **enam puluh (60) tahun keatas.**

5.2. Satu keahlian akan mewakili satu rumah kediaman atau satu keluarga di bawah tanggungannya dan hendaklah didaftarkan dalam Borang Pendaftaran Keahlian:

5.2.1. Ahli;
5.2.2. Pasangan semasa (suami/isteri);
5.2.3. Tanggungan - Anak-anak (termasuk anak tiri, anak angkat berdaftar,) yang belum berkahwin atau tidak bekerja atau;

i. Belum mencapai umur 22 tahun bagi lelaki;
ii. Belum mencapai umur 22 tahun bagi perempuan;
iii. Anak OKU yang berdaftar dan masih bujang,
iv. Bagi anak OKU yang telah berkahwin, adalah terkeluar dari tanggungan ibu bapa/penjaga

5.2.4. **Ibubapa/Mertua** atau penjaga **TIDAK LAYAK** menjadi Tanggungan Ahli. Sekiranya mereka ingin mendapat Manfaat Khairat, adalah dicadangkan mereka berdaftar menjadi Ahli Khairat Kematian.

5.2.5. Ibu tunggal adalah layak menjadi Ahli dan perlu menyenaraikan tanggungannya, jika ada.

5.3. Tempoh perlindungan keahlian adalah 12 bulan bermula dari 1hb Julai tahun semasa hingga 30hb Jun tahun berikutnya.

5.4. Keahlian akan gugur apabila tempoh keahlian telah tamat kecuali keahlian diperbaharui.

5.5. Permohonan menjadi Ahli hendaklah dibuat di dalam Borang Pendaftaran Keahlian yang telah ditentukan dan dihantar kepada Badan Khairat Kematian Masjid Al-Istiqlal, pada waktu yang telah ditetapkan.

5.6. Pemohon yang berumur **melebihi 60 tahun** semasa membuat permohonan, **PERLU** menjelaskan Yuran Keahlian kali pertama sekaligus dengan kadar bayaran berjumlah **RM 500.00**

5.7. Borang permohonan yang telah lengkap hendaklah disertakan wang tunai.

5.7.1. Jumlah bayaran **Yuran Tahunan** untuk pembaharuan adalah **RM 60.00.**

5.7.2. Jumlah bayaran **Yuran Keahlian penyertaan kali pertama** adalah **RM 80.00**.

5.7.3. Jumlah bayaran **Yuran Keahlian penyertaan kali pertama untuk ahli yang berusia 60 tahun dan keatas** adalah **RM500.00**

5.8. Ahli juga boleh mendaftar keahlian, kemaskini maklumat dan membuat bayaran melalui atas talian **e-Khairat Masjid Jamek Al-Istiqlal**, sebagai alternatif. Layari sesawang ini https://www.e-khairat.com/masjidalistiqlal

5.9. Apabila Ahli meninggal dunia, semua tanggungan yang telah disenaraikan masih dikira sebagai tanggungan sehingga tempoh perlindungan tamat. Pasangan kepada Ahli yang meninggal dunia akan menjadi Ahli apabila pembaharuan dibuat pada tahun berikutnya.

6. KEWAJIPAN AHLI

6.1. Setiap Ahli bertanggungjawab untuk **membaca dan memahami Buku Panduan Khairat Kematian** yang disediakan, serta mematuhi segala peraturan yang telah dibuat oleh Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal, Taman Mewah.

6.2. Ahli atau wakil Ahli hendaklah sentiasa memberitahu dan **mengemaskini maklumat,** mengenai pertambahan ahli keluarga dan nombor telefon yang boleh dihubungi. Sekiranya tiada kemaskini dibuat, segala notis, SMS atau urusan surat-menyurat yang dihantar kepada nombor telefon atau alamat yang didaftarkan semasa membuat permohonan akan disifatkan sampai kepada Ahli.

6.3. Ahli atau wakil Ahli hendaklah menjelaskan Yuran Keahlian/Tahunan yang dikenakan oleh Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal, Taman Mewah dengan jumlah dan waktu yang telah ditetapkan.

6.4. Semua Ahli **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri Mesyuarat Agung Tahunan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal yang akan diadakan setiap tahun pada bulan Jun / Julai.

7. HAK AHLI

7.1. Seseorang yang telah menjadi Ahli Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal adalah layak untuk mendapat segala hak sebagai Ahli sebagaimana tersebut dalam Buku Panduan ini terutamanya kelayakan menerima nilai manfaat khairat kematian berdasarkan perincian dalam **Para 9**.

8. TATACARA BAYARAN YURAN TAHUNAN

8.1. Adalah menjadi tanggungjawab Ahli untuk membayar Yuran Tahunan sebanyak **RM 60.00** (Ringgit Malaysia Enam Puluh) sebelum **31^{hb} Julai** setiap tahun semasa bagi tujuan memperbaharui keahlian Badan Khairat Kematian ini.

8.2. Ahli yang tidak menjelaskan Yuran Tahunan mengikut tahun kewangan semasa akan hilang kelayakan keahliannya daripada daftar Badan Khairat Kematian. Notis pemberitahuan atau paparan di papan kenyataan Masjid Al-Istiqlal akan dikeluarkan selepas **31^{hb} Julai** tahun semasa.

8.3 Pengguguran keahlian kepada ahli yang tidak membayar Yuran Tahunan adalah secara automatik selepas **30 hari** dari tarikh pembaharuan iaitu **1^{hb} Julai** pada setiap tahun, pada **1^{hb} Ogos** sebaik sahaja selepas tamat tempoh penerimaan bayaran. Mantan Ahli dan tanggungannya akan hilang semua kelayakan manfaat khairat yang telah diperuntukkan oleh Badan Khairat Kematian dan tidak berhak menuntut apa-apa Manfaat Khairat.

9. SYARAT-SYARAT YURAN DAN NILAI MANFAAT

9.1. Manfaat khairat kematian untuk pengurusan jenazah dan pengkebumian adalah layak diterima oleh:

9.1.1. Ahli;
9.1.2. Pasangan (suami/isteri);
9.1.3. Tanggungan seperti yang disenaraikan dalam Borang Permohonan Keahlian.

9.2. **Nilai Manfaat Khairat** untuk pengurusan jenazah Ahli Khairat lelaki/perempuan atau Tanggungan adalah seperti yang dinyatakan. Perincian pembayaran kos pengurusan adalah tertakluk kepada Badan Khairat Kematian yang menguruskan jenazah berkenaan.

Kategori Ahli	Yuran Keahlian (Kali Pertama)	Yuran Tahunan (Pembaharuan)	Nilai Manfaat
Ahli Pasangan Anak (22 tahun kebawah)	**RM 80.00**	**RM 60.00**	**RM1,700.00** **RM1,700.00** **RM1,000.00**
Ahli Baru 23 tahun keatas	**RM 80.00**	**RM 60.00**	**RM1,700.00**
Ahli Baru 60 tahun keatas	**RM 500.00**	**RM 60.00**	**RM1,700.00**

9.3. Wang saguhati **RM200.00** (Ringgit Malaysia Dua Ratus Sahaja) akan dibayar kepada waris yang kematian anak dibawah umur 1 tahun.

9.4. Kadar bayaran van jenazah untuk perjalanan di luar sempadan kariah Masjid Jamek Al-Istiqlal hendaklah dirujuk kepada **AJK Badan Khairat Kematian.**

9.5. Hanya Masjid/atau suami/isteri/anak yang dewasa/keluarga terdekat yang menguruskan jenazah sahaja yang layak diserahkan sumbangan khairat ini. Sekiranya Ahli yang

meninggal itu tidak mempunyai waris, maka sesiapa yang menanggung perbelanjaan mengurus dan mengebumikan Ahli itu dibenarkan menuntut bayaran khairat kematian ini dengan syarat dijamin dan disahkan oleh dua (2) orang Ahli Badan Khairat yang lain.

9.6. Hanya satu pembayaran khairat kematian sahaja dikeluarkan untuk satu kematian. Segala tuntutan pembayaran kewangan hendaklah disertakan atau dibuktikan dengan Sijil Kematian atau Permit Kubur untuk Pengkebumian. Tuntutan hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya dalam **tempoh 60 hari dari tarikh kematian**.

9.7. Perubahan jumlah bayaran **Yuran Tahunan** dan **Nilai Manfaat** kepada Ahli yang meninggal dunia adalah bergantung kepada keputusan Jawatankuasa Badan Khairat Masjid Jamek Al-Istiqlal (selepas perbincangan dan mesyuarat) dan ianya bergantung kepada pindaan dan keperluan semasa.

10. HAD KELAYAKAN MENERIMA MANFAAT DAN TEMPOH MATANG

10.1. Semua Manfaat Khairat akan dibayar mengikut kadar yang telah ditetapkan mengikut **Para 9** kepada Ahli atau waris apabila berlaku kematian. Tiada lagi tempoh matang, ahli baru dan pembaharuan adalah sama, kata lain perlindungan berkuatkusa selepas tarikh pembayaran diterima.

11. TUGAS PEGAWAI PENTADBIRAN

11.1. Pengerusi Badan Khairat Kematian yang telah dilantik dalam Mesyuarat Agung Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal hendaklah menjadi Pengerusi dalam semua Mesyuarat Jawatankuasa dan juga mewakili Badan Khairat Kematian ini dalam sebarang urusan dengan pihak luar.

11.2. Timbalan Pengerusi yang dilantik akan memangku jawatan Pengerusi semasa ketiadaannya.

11.3. Setiausaha hendaklah menyimpan segala buku-buku peringatan (rekod) kecuali buku-buku kenyataan wang dan juga bertanggungjawab atas penyelenggaraan dan kesempurnaan buku-buku (rekod) tersebut. Ianya termasuk penyelenggaraan dan kesempurnaan rekod dalam bentuk digital (data komputer). Setiausaha akan menyedia dan menyimpan segala butiran Mesyuarat Jawatankuasa dan segala urusan surat-menyurat.

11.4. Bendahari hendaklah menyimpan wang Badan Khairat Kematian serta memungut dan menjelaskan perkara kewangan atas perbelanjaan wang. Bendahari juga hendaklah menyimpan segala buku-buku dan resit kenyataan wang dan juga bertanggungjawab atas penyelenggaraan dan kesempurnaan buku-buku (rekod) tersebut. Ianya termasuk penyelenggaraan dan kesempurnaan rekod dalam bentuk digital (data komputer).

11.5. Bendahari boleh menyimpan wang tunai bernilai tidak lebih atau kurang dari **RM 17,000.00** (Ringgit Malaysia Tujuh Belas Ribu) di tangan pada satu-satu masa sebagai Wang Simpanan Pendahuluan Manfaat Khairat. Segala lebihan wang tunai perlu disimpan di dalam bank yang telah ditetapkan.

11.6. Tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa yang lain hendaklah ditetapkan jawatan dan tugasnya.

11.7. Ahli Jawatankuasa yang meninggal dunia, berpindah jauh atau diberhentikan, perlu diganti tempatnya dan lantikan adalah dibuat oleh Jawatankuasa Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal,Taman Mewah.

12. KEWANGAN

12.1. Kewangan Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal ini diperolehi dari sumber berikut:

12.1.1. Yuran Pembaharuan Keahlian dan Yuran Keahlian Baru,
12.1.2. Keuntungan dari Simpanan Tetap di bank yang patuh Syariah,
12.1.3. Lain-lain ikhtiar dan pendapatan yang halal.

12.2. Kewangan Badan Khairat Kematian ini tidak boleh digunakan untuk membayar cengkeram, denda-denda kompaun atau mahkamah, atau untuk tujuan persendirian. Jika ada yang melakukannya, ianya boleh didakwa, melainkan ianya dibincang dan diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal.

12.3. Tahun kewangan Badan Khairat Kematian ini adalah dari 1^{hb} **Julai** hingga **30^{hb} Jun** tahun berikutnya.

12.4. Penyata Kewangan Tahunan akan dibentangkan satu (1) kali dalam setahun iaitu semasa Mesyuarat Agung Tahunan Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal.

13. PERKARA WANG

13.1. Tertakluk kepada **Para 11.5** semua wang Badan Khairat Kematian hendaklah disimpan di bank patuh syariah atau institusi kewangan lain yang urusannya adalah mengikut dan menepati syariat Islam dan dipersetujui oleh mesyuarat Jawatankuasa dan mestilah atas nama Jawatankuasa Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal.

13.2. Perbelanjaan lain yang melebihi **RM 3,000.00** (Ringgit Malaysia Tiga Ribu) tetapi tidak melebihi **RM 10,000.00** (Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu) perlu mendapat kelulusan dari Mesyuarat

Jawatankuasa Khairat Kematian atau satu pertiga (⅓) dari jumlah Ahli Jawatankuasa bersetuju.

13.4. Sebahagian daripada kumpulan wang khairat yang terkumpul dan tidak segera digunakan, boleh dilabur dalam cagaran-cagaran amanah yang patuh syariah, tertakluk kepada kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Jawatankuasa Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal.

13.5. Semua cek dan lain-lain wang/surat yang akan dikeluarkan untuk urusan pembayaran dari bank hendaklah ditandatangani oleh dua (2) orang penandatangan terdiri dari:

13.5.1. Pengerusi/Setiausaha/Bendahari, **atau**
13.5.2. Mana-mana dua (2) daripada tiga (3)[13.5.1]

13.6. Penyata Kira-Kira Badan Khairat Kematian adalah berakhir pada **30hb Jun** tiap-tiap tahun dan disahkan oleh sekurang-kurangnya seorang (1) Pemeriksa Kira-Kira.

14. PEMERIKSA KIRA-KIRA

14.1. Pemeriksa Kira-Kira akan bertindak sebagai Pemeriksa Kira-Kira Badan Khairat Kematian ini. Pemeriksa Kira-Kira akan memeriksa kewangan tahunan dan menyampaikan hasil pemeriksaan kepada Bendahari. Bendahari akan membentangkannya pada Mesyuarat Agung Tahunan Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal.

15. MESYUARAT

15.1. Mesyuarat Jawatankuasa Badan Khairat Kematian hendaklah diadakan sekurang-kurangnya empat kali (4) dalam setahun.

15.2. Walau bagaimanapun, mesyuarat boleh diadakan dari masa ke semasa mengikut keperluan yang mendesak dan perlu disegerakan.

15.3. Notis dan agenda mesyuarat akan diedarkan oleh Setiausaha tiga (3) hari sebelum mesyuarat diadakan. Walau bagaimanapun tempoh tersebut boleh dikurangkan berdasarkan keperluan.

15.4. Segala keputusan mesyuarat hendaklah mendapat persetujuan dari dua pertiga (⅔) kehadiran.

15.5. Mesyuarat dan Laporan Tahunan Badan Khairat Kematian akan diadakan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal

16. KUATKUASA DAN PINDAAN PERATURAN

16.1. Buku Panduan Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal ini berkuatkuasa bermula **1^{hb} Julai** kecuali melibatkan Para yang dinyatakan secara spesifik.

16.2. Sebarang pindaan kepada segala peraturan dalam Buku Panduan ini adalah tertakluk kepada keperluan semasa. Rujuk **Para 17**.

17. PERTIKAIAN

17.1. Sekiranya timbul sebarang masalah atau pertikaian atau pindaan berhubung dengan apa-apa tafsiran atau peraturan Badan Khairat Kematian ini, keputusan semasa **Ahli Jawatankuasa Badan Khairat Kematian Masjid Jamek Al-Istiqlal, Taman Mewah, adalah muktamad**.

----- xxx -----



BADAN KHAIRAT KEMATIAN
MASJID JAMEK AL-ISTIQLAL TAMAN MEWAH
LORONG MEWAH 13, TAMAN MEWAH,
KAMUNTING PERAK DARUL RIDZUAN



BORANG PENDAFTARAN KEAHLIAN BARU 2026

JENIS PERMOHONAN : AHLI BARU (RM 80.00)			
BAHAGIAN A : MAKLUMAT DIRI			
NAMA PENUH :			
NO KAD PENGENALAN :		**UMUR :**	**TAHUN**
ALAMAT :			
KAMPUNG / TAMAN ** Tandakan √*		**KAMPUNG PAYA BARU**	
		KAMPUNG PINANG SEBERANG	
		TAMAN MEWAH	
		TAMAN PALMA	
		TAMAN PINANG SEBERANG	
NO TEL :			
BAHAGIAN B : WARIS			
NAMA :		**NO TEL :**	
NO KAD PENGENALAN :		**HUBUNGAN :**	
BAHAGIAN C : MAKLUMAT TANGUNGGAN (*Termasuk Suami/Isteri*)			

BIL	NAMA	NO KAD PENGENALAN / UMUR	HUBUNGAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			

BAHAGIAN D : PERAKUAN AHLI	
Saya seperti nama di atas ***Bersetuju / Tidak Bersetuju*** dengan Buku Panduan Khairat yang telah ditetapkan. Bersama-sama ini disertakan bayaran sebanyak ***RM 80.00*** untuk bayaran pendaftaran keahlian baru.	**Tandatangan Pemohon :** **Tarikh :**

BAHAGIAN E : UNTUK KEGUNAAN AJK	
TARIKH TERIMA BAYARAN :	
JUMLAH BAYARAN :	**NO RESIT :**
DITERIMA OLEH :	

BADAN KHAIRAT KEMATIAN
MASJID JAMEK AL-ISTIQLAL TAMAN MEWAH
LORONG MEWAH 13, TAMAN MEWAH,
KAMUNTING PERAK DARUL RIDZUAN

BORANG PENDAFTARAN KEAHLIAN BARU 2026

JENIS PERMOHONAN : AHLI BARU 60 TAHUN KEATAS (RM 500.00)			
BAHAGIAN A : MAKLUMAT DIRI			
NAMA PENUH :			
NO KAD PENGENALAN :		**UMUR :**	**TAHUN**
ALAMAT :			
KAMPUNG / TAMAN ** Tandakan √*		**KAMPUNG PAYA BARU**	
		KAMPUNG PINANG SEBERANG	
		TAMAN MEWAH	
		TAMAN PALMA	
		TAMAN PINANG SEBERANG	
NO TEL :			
BAHAGIAN B : WARIS			
NAMA :		**NO TEL :**	
NO KAD PENGENALAN :		**HUBUNGAN :**	
BAHAGIAN C : MAKLUMAT TANGUNGGAN (*Termasuk Suami/Isteri*)			

BIL	NAMA	NO KAD PENGENALAN / UMUR	HUBUNGAN
1			
2			
3			
4			
5			
6			
7			
8			
9			
10			

BAHAGIAN D : PERAKUAN AHLI	
Saya seperti nama di atas ***Bersetuju / Tidak Bersetuju*** dengan Buku Panduan Khairat yang telah ditetapkan. Bersama-sama ini disertakan bayaran sebanyak ***RM 500.00*** untuk bayaran pendaftaran keahlian baru.	**Tandatangan Pemohon :** **Tarikh :**

BAHAGIAN E : UNTUK KEGUNAAN AJK	
TARIKH TERIMA BAYARAN :	
JUMLAH BAYARAN :	**NO RESIT :**
DITERIMA OLEH :	

KADAR BAYARAN UNTUK PENGURUSAN JENAZAH
MASJID JAMEK AL-ISTIQLAL TAMAN MEWAH

BIL	PERKARA	JUMLAH (RM)	
		SIANG	**MALAM**
1	KERANDA	250.00	250.00
2	VAN JENAZAH	200.00	200.00
3	PENGURUSAN MANDI DAN KAFAN	550.00	550.00
4	TANAH dan GALI KUBUR	600.00	700.00
6	TALKIN	70.00	70.00
8	WARIS	30.00	-
	JUMLAH	**1,700.00**	**1,770.00**

CARA RINGKAS SOLAT JENAZAH



TAKBIR PERTAMA:
Angkat takbir
"ALLAHUAKHBAR"
dan Niat dalam hati Sahaja
aku solat jenazah terhadap
mayat ini kerana Allah Ta'ala
Baca Al-Fatihah



TAKBIR KEDUA:
Angkat takbir ke-2
"ALLAHUAKHBAR"
Selawat Nabi SAW
"ALLAHUMA SOLLI A'LA MUHAMMAD WAA'LA ALI MUHAMMAD"
atau Selawat Ibrahimiyah
(seperti dalam tahiyat akhir dalam solat)



TAKBIR KETIGA:
Angkat takbir ke-3
"ALLAHUAKHBAR"
Doa untuk Si Mati
"ALLAHUMMARGH FIRLAHU WARHAMHU" (Lelaki)
"ALLAHUMMARGH FIRLAHA WARHAMHA" (Wanita)



TAKBIR KEEMPAT:
Angkat takbir ke-4
"ALLAHUAKHBAR"
"ASSALAMUALAIKUMWARAHMATULLAH"
Beri salam kiri dan kanan